

Najib akan buat kenyataan penuh kedudukan ekonomi Malaysia minggu depan
Bernama
Januari 13, 2015

KUALA LUMPUR: Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak berkata beliau akan membuat kenyataan penuh mengenai kedudukan ekonomi negara minggu depan.

"Saya akan buat kenyataan minggu depan," katanya ketika menjawab pertanyaan mengenai sasaran ekonomi, bajet dan fiskal, berikutan kejatuhan harga minyak global serta banjir yang melanda Pantai Timur Semenanjung Malaysia.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menerima bantuan banjir dari China, di sini hari ini.

Najib menerima bantuan itu daripada Duta Besar China ke Malaysia, Dr Huang Huikang.

Bantuan berkenaan antara lain terdiri daripada 2,950 unit khemah, 220 set jana kuasa, 400 pam air dengan kapasiti 1.1 kilowatt, 45 gulung hos air dan 60 set penulenan air dengan kapasiti 500 liter/sejam.

Turut hadir Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Muhyiddin Yassin, Menteri Pertahanan Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussien, Menteri Dalam Negeri Datuk Seri Zahid Hamidi dan Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Dr Ali Hamsa.

Sejak subsidi untuk petrol RON95 dan diesel dihapuskan serta harga runcit bagi bahan api itu ditetapkan mengikut kaedah [pengapungan terkawal](#), negara menyaksikan penurunan harga sebanyak dua kali sejak Disember 2014.

Pada 1 Disember lalu, harga [RON97 telah turun 9 sen](#) kepada RM2.46 seliter, dan RON95 pula jatuh 4 sen menjadi 2.26 sen seliter, manakala harga diesel pula mengalami kenaikan 3 sen kepada 2.23 sen seliter.

Tahun baru pula menyaksikan harga bagi petrol RON95 dan RON97 masing-masing turun sebanyak 35 sen berbanding harga sebelumnya manakala diesel diturunkan sebanyak 30 sen.

Sehubungan itu, harga runcit bagi [RON95 ditetapkan pada RM1.91 seliter](#), RON97 pada RM2.11 seliter manakala diesel berharga RM1.93 seliter.

Copyright © Astro Awani Network Sdn. Bhd. 2014 (535275-D). All Rights Reserved.

Read more at: <http://www.astroawani.com/berita-bisnes/najib-akan-buat-kenyataan-penuh-kedudukan-ekonomi-malaysia-minggu-depan-52118?cp>